

24 SEP 2001

Mahathir-Sibu

SIBU PESAT MEMBANGUN DI BAWAH BN, KATA DR MAHATHIR

SIBU, 24 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau kagum dengan perkembangan ekonomi yang dinikmati oleh penduduk Sibu di bawah pemerintahan Barisan Nasional.

"Bandar Sibu yang dulunya daif semasa di bawah jajahan British, kini sudah bertukar wajah malah merupakan antara bandar paling pesat membangun di Sarawak," katanya semasa berucap kepada 8,000 orang pada majlis bersama rakyat di perkarangan Lapangan Terbang Sibu sempena lawatan seharusnya ke Sarawak hari ini.

Perdana Menteri berkata bahawa sebelum BN memerintah, keadaan di Sibu sangat daif dan tidak menampakkan pembangunan dan penduduknya pula tidak mempunyai peluang pekerjaan.

Hari ini, rakyat sudah dapat melihat banyak industri dan bangunan pencakar langit di Sibu dan pada masa yang sama turut mengundang peluang pekerjaan kepada rakyatnya, kata Mahathir.

Semua ini hanya dapat disediakan jika perpaduan dan kerjasama dipertahankan, katanya.

Kalau sesebuah negara ataupun negeri itu aman, apa sahaja yang dirancangkan untuk kepentingan rakyat akan dapat berjalan dengan licin tetapi jika berlaku huru-hara sudah tentu pembangunan itu tidak dapat dilaksanakan, kata Dr Mahathir.

"Keadaan yang aman serta kerjasama erat di kalangan masyarakat berbilang kaum di Sibu ini, telah membolehkan bandar ini dibangunkan malah merupakan salah satu kawasan paling maju," katanya.

Sebab itulah, kata Perdana Menteri, pada hari ini ramai penduduk Sibu telah berjaya dalam bidang perniagaan khususnya industri perkayuan, malah berupaya meluaskannya ke seluruh negara.

"Pengusaha-pengusaha perkayuan dari Sibu kini bukan sahaja terhad di Sarawak sahaja malah sudah terkenal di luar negara seperti di Rusia, Afrika dan yang lainnya. Ini hanya boleh berlaku bila sesebuah negara itu aman tanpa menghalang sesiapa sahaja untuk berniaga," katanya.

Dr Mahathir berkata kerajaan BN tidak menyekat sesiapa sebaliknya ia memberi peluang kepada semua rakyat untuk menceburkan diri dalam pelbagai bidang khususnya bidang perniagaan.

"Tanyalah kepada parti lawan sama ada mereka boleh membantu rakyat kita berbuat demikian, sama ada mereka boleh membela nasib rakyat. Mereka tidak boleh membangunkan Sibu. Jadi amat penting supaya rakyat menolak mereka 100 peratus," katanya.

Dr Mahathir berkata kerajaan pusat akan terus membantu membangunkan Sarawak jika BN terus berkuasa.

Beliau berharap rakyat memberi kemenangan besar kepada BN di lima kerusi dewan undangan negeri di sekitar Sibu iaitu Dudong, Bawang Assan, Pelawan, Bukit Assek dan Nangka, dalam pilihanraya Khamis ini.

-- BERNAMA

AHA MAI